

**“Saya pernah menjalani latihan di Museum National D’Histoire Naturelle selama sebulan. Banyak perkara baru yang dipelajari termasuk kaedah pencahayaan, susun atur artifak dan teknik penggayaan.**

**Azmi Ismail**

**METROAHAD**


# MUZIUM BUKAN MEMBOSANKAN

Pengarah Muzium Negara ajak masyarakat hayati pameran unik, istimewa tidak akan berulang tajuk dalam tempoh 10 hingga 13 tahun

sepanjang tahun.

“Muzium sebenarnya satu tempat menyeronokkan kerana kita dapat mempelajari sesuatu yang baru menerusi pameran dianjurkan.

“Boleh dikatakan sesebuah pameran hanya berulang tajuk dalam tempoh 10 hingga 13 tahun. Kita tidak akan menyaksikan bahan yang sama dalam tempoh terdekat.



**KETIKA** menjalani latihan di Museum National D’Histoire Naturelle, Perancis.

Belakang lelaki berasal dari hari ini, menghadkan

**KARISMA**

**Aniza Zainudin**

anizazainudin@hmetro.com.my

“Muzium bukan sekadar lokasi pengumpulan artifak tinggalan sejarah,” penegasan dilontarkan Azmi Ismail yang mempunyai maksud tersirat terhadap fungsi utama muzium dalam menyebarkan pengetahuan

menyebarkan pengetahuan.  
Berjiwa besar untuk mengubah persepsi umum terhadap muzium yang sering dianggap tempat melihat warisan sejarah yang membosankan, Pengarah Muzium Negara ini menggalakkan masyarakat turun padang serta menghayati pendedahan menarik dipamerkan.

Justeru, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sentiasa tampil dengan idea pameran unik, istimewa, berlainan dan dilengkapi dengan material yang menarik

yang sama dan temporer terdekat.  
"Muzium juga membuktikan sejarah pembentukan sesebuah negara sekali gus mendidik kita mengenai kehidupan masyarakat terdahulu, kepakaran dan kemahiran, 'teknologi' yang tidak pernah kita sangka berlaku.

"Dewasa ini, sejarah sebenarnya mempunyai faktor kuat dalam pembentukan jati diri generasi muda," katanya ketika ditemui di Muzium Negara.

Mencungkil latar



KETIKA berada di London.



belakang lelaki berasal dari negeri Cik Siti Wan Kembang ini, Azmi memiliki kecenderungan terhadap seni terutama reka bentuk grafik sejak kecil.

Sambil tersenyum berkongsi rahsia, beliau gemar mengumpul keratan akhbar terutama sempena Hari Keputeraan Sultan di Malaysia yang disifatkan mempunyai reka bentuk grafik yang unik.

Selain itu, Azmi turut aktif 'mengutip' brosur kerajaan yang mempromosikan kempen, lantas membuatkan dirinya lebih peka dengan perkembangan semasa.

Tambahnya lagi, keadaan zamannya jauh berbeza kini kerana reka bentuk grafik dilakukan secara manual berbanding kini menggunakan perisian teknologi moden terkini.

Ketiadaan jaringan Internet meluas seperti

hari ini, menghadkan Azmi melakukan rujukan sebaliknya mengambil inspirasi daripada koleksi brosur simpanannya.

Ményifatkan Pameran Senjata Tradisional Misteri dan Kesaktian pada 2008, antara pameran paling dekat di hati, lelaki ini berpeluang memanfaatkan pengalaman yang ditimba sepanjang mengikuti latihan di Museum National D' Histoire Naturelle, Perancis.

"Saya pernah menjalani latihan di Museum National D' Histoire Naturelle selama sebulan. Banyak perkara baru dipelajari termasuk kaedah pencahayaan, susun atur artifak dan teknik pengayaan.

"Justeru, menerusi pameran yang membabitkan lebih 1,000 senjata ini (Senjata Tradisional Misteri dan Kesaktian), sebagai kurator, saya dapat menggunakan kaedah dan

**SENTIASA**  
berbincang untuk  
mencapai satu  
suara sepakat.

metro Ahad  
26/2/17  
ms 30-31



## METROAHAD

teknik dipelajari.

“Buat pertama kali, kami menggunakan pendakap (bracket) bagi mempamerkan senjata termasuk keris. Menggunakan kaedah pencahayaan yang betul membuatkan keris berkenaan seperti terapung di udara.

“Bagi memastikan pameran ini berjaya dan mampu menarik kedatangan pengunjung, kami menghabiskan masa lebih lima minggu di dalam galeri bagi tujuan paparan (display),” katanya.

Berkongsi cabaran menganjurkan sesebuah pameran, Azmi menegaskan kerja berpasukan adalah kunci kejayaan.

Ini kerana peranan dan komitmen setiap individu dalam mematuhi garis waktu (timeline) membolehkan sesebuah pameran berlangsung dengan lancar.

“Bayangkan setiap tahun, JMM menganjurkan sekurang-kurangnya lapan pameran termasuk tiga berskala besar berbanding

muzium luar negara.

“Selalunya kita mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk menganjurkan pameran, ia bererti dari sifar hingga 100 peratus sempurna.

“Tempoh pameran berlangsung tidak terlalu lama kerana kita menyedari permintaan daripada pengunjung yang inginkan sesuatu yang berlainan selepas pameran berkenaan.

“Jika dibandingkan dengan negara luar, contoh terdekat Singapura, mereka mengambil masa lebih setahun setengah untuk merangka sesebuah pameran, manakala tempoh pameran berlangsung pula selama dua tahun,” ceritanya.

Bekerjasama dengan banyak pihak sama ada orang perseorangan, organisasi, tempatan dan luar negara, lelaki berusia 54 tahun ini berkata cabaran juga timbul sewaktu mendapatkan material pameran terutama yang tiada di tangan pihak JMM.

Katanya, seandainya



## PROFIL

**NAMA:** Azmi Ismail  
**JAWATAN:** Pengarah Muzium Negara  
**LAHIR:** 15 Februari 1963  
**ASAL:** Kota Bharu, Kelantan  
**PASANGAN:** Rose Haliza Kamaludin  
**ANAK:** Nasyadh Amirah (26), Auni Batrisya (21) dan Walin Adani (19)  
**PENDIDIKAN:** Ijazah Sarjana Muda Reka Grafik, Universiti Teknologi Mara (1987)

JMM berurusan dengan 10 individu bagi menjayakan sesebuah pameran, ia bererti terdapat 10 permintaan yang berbeza,

FOTO SHIRAZ ALI





**BERSAMA** rakan fakulti pada 1987.



**KELUARGA** kecil Azmi.



**MENGHARGAI** warisan sejarah.

namun ia dapat diselesaikan dengan cara terbaik.

Bertanggungjawab menganjurkan 58 pameran sejak 1993, Azmi berkata proses fasa terakhir melengkapkan pameran antara detik mencemaskan kerana ia selalunya membabitkan material, poster mahupun dekorasi.

Menyasarkan golongan pelajar sebagai fokus utama, JMM menjalinkan kerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan dalam merangka program Satu Pelajar Satu Muzium (IPIM) yang dijangka dilancarkan tahun ini.

Katanya, program yang membabitkan penyertaan guru dan pelajar ke muzium untuk melihat bukti tinggalan sejarah dengan lebih dekat sekali gus menimbulkan minat terhadap sejarah.

Tambahnya, sekiranya modul yang dirangka sejak dua tahun lalu itu menerima maklum balas positif daripada pihak guru dan pelajar, pihak JMM mungkin bekerjasama dengan semua muzium seluruh negara.

metro Ahd  
26/2/17  
mls - 31

## Suka tanam pokok bonsai

### 1. Aktiviti bersama keluarga?

Saya suka menanam pokok bonsai di sekitar rumah, selalunya kami akan bersama-sama menguruskan tanaman itu.

### 2. Kesukaan tersendiri?

Saya boleh dikategorikan sebagai pengumpul. Saya suka mengumpul buku berkaitan grafik, kerja harian, setem serta magnet peti sejuk.

### 3. Makanan kegemaran?

Kuih-muih tradisional seperti tahi itik dan jala emas.

### 4. Impian ingin digapai?

Setiap apa yang saya

lakukan saya ingin membahagiakan keluarga.

### 5. Pendorong?

Minat adalah dorongan paling besar, selain keluarga.

### 6. Tokoh dikagumi?

Bekas Ketua Pengarah Muzium, arwah Datuk Shahrum Yob berjiwa muzium.

### 7. Prinsip hidup?

Setiap apa yang dilakukan, cuba sehabis baik untuk mendapat kejayaan diinginkan. Meskipun, ia tidak mencapai 100 peratus, usaha terbaik memberi kepuasan tersendiri.